

CNS4805

R GB 27-10 00164 BC706

bah.

MAHATHIR : KEBEBASAN AKHBAR TIDAK HARUS DISALAHGUNAKAN

Mahathir - Akhbar

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan media massa di negara ini supaya tidak menyalahgunakan kebebasan yang ada kerana ia akan hanya merugikan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata akhbar-akhbar harus menggunakan kebebasan itu untuk menyebarkan pendapat-pendapat yang membina.

+Penyebaran maklumat yang betul-betul dapat membina serta menambah pengetahuan hendaklah kita pertingkatkan,+ tegas beliau dalam kata-kata aluan risalah Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan +Suara Wilayah+ yang dilancarkan di sini hari ini.

Katanya, penyebaran maklumat termasuk melalui media elektronik adalah untuk memberi pengetahuan supaya rakyat dapat meningkatkan prestasi kerja dan bertindak dengan cepat.

Perdana Menteri berkata kerajaan berharap media massa memainkan peranannya sebagai penyampai maklumat dengan sebaik-baiknya bagi memanfaatkan rakyat dan negara.

Pelancaran risalah itu dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba yang juga Ketua Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan sempena Konvensyen badan perhubungan itu.-- Lagi

♥27/10/16-04MST

CNS4807

R GB 27-10 00125 BC707

bah

Mahathir - Akhbar 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya tidak alpa dan bersikap tunggu dan lihat +pada zaman yang serba serbinya bergerak pantas ini+.

Sebaliknya, beliau berkata, sikap positif dan peka akan peluang-peluang yang ada, akan dapat memajukan rakyat dengan lebih cepat lagi.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata peluang berkomunikasi tidak harus dipersia-sia dan digunakan untuk mencapai hasrat negara untuk menjadi negara maju dalam semua bidang.

Encik Ghafar, dalam kata-kata aluannya pula berkata, anggota UMNO perlu bersikap terbuka untuk maju selain daripada berusaha gigih dan berdisiplin tinggi.

+Kita mesti sanggup memberi dan menerima. Ide yang bernas mestilah disuarakan. Pendapat yang baik hendaklah dipraktikkan,+ tegas beliau.-- Bernama

♥27/10/16-06MST